

19 JUN 2002

AGONG TERIMA MENGHADAP PERPISAHAN DUTA SWITZERLAND

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalulail menerima menghadap Duta Switzerland Rudolf Staub yang akan tamat tempoh perkhidmatannya di Malaysia, pada satu majlis di Istana Negara hari ini.

Yang turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid dan isteri Staub, Lidia.

Pada majlis itu Tuanku Syed Sirajuddin melahirkan penghargaan Seri Paduka terhadap peranan yang dimainkan oleh Staub semasa di Malaysia terutamanya usaha meningkatkan lagi hubungan dua hala antara Switzerland dan Malaysia.

Yang di-Pertuan Agong juga menyatakan penghargaan kepada kerajaan Switzerland atas kejayaan lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke negara itu baru-baru ini.

Seri Paduka berharap lebih banyak pertukaran lawatan dilakukan untuk mengukuhkan lagi hubungan baik yang sedia terjalin antara kedua-dua negara terutama dalam bidang perdagangan dan pelaburan.

Staub, 60, dilantik sebagai Duta Switzerland ke Malaysia pada 18 Sept, 1998.

-- BERNAMA
AFY AFY NMO